

Bil. S 16

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH LEMBAGA PENYELIAAN KEWANGAN SYARIAH, 2006

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan gelaran panjang.
2. Tafsiran.
3. Penubuhan Lembaga.
4. Tugas-tugas Lembaga.
5. Arahan.
6. Keahlian Lembaga.
7. Tempoh memegang jawatan.
8. Setiausaha.
9. Pemberitahuan lantikan.
10. Mesyuarat Lembaga.
11. Korum dan keputusan.
12. Menuruti dan mematuhi *qaul muktamad*.
13. Laporan tahunan.
14. Lembaga hendaklah membenarkan produk Islam.
15. Lembaga hendaklah membenarkan lantikan dll.

16. Kesalahan yang dilakukan oleh pengarah dll.
17. Prosiding berkenaan dengan perniagaan bank Islam dll.
18. Komposisi kesalahan.
19. Persetujuan untuk mendakwa.
20. Batasan liabiliti.
21. Hukuman.
22. Penyiaran.
23. Pindaan Jadual.
24. Peraturan-peraturan.

JADUAL – INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Perintah di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH LEMBAGA PENYELIAAN KEWANGAN SYARIAH, 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (3) Perkara 83 dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan gelaran panjang.

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, 2006.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk menubuhkan Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah dan untuk mengadakan peruntukan bagi kawalan pentadbiran dan urusan perniagaan institusi-institusi kewangan berhubung dengan produk Islam dan sebarang perkara yang berhubung dan bersampingan dengannya".

Tafsiran.

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

"Pihak Berkuasa" bermakna Menteri Kewangan;

"Lembaga" bermakna Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah yang ditubuhkan oleh bab 3;

"penggerusi" bermakna penggerusi Lembaga;

"institusi kewangan" bermakna mana-mana institusi yang dinyatakan dalam Jadual;

"*Fiqh al-Mu'amalat*" bermakna undang-undang perdagangan Islam;

"*Hukum Syara'*" bermakna Undang-Undang Islam menurut Ahlis Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Syafi'ee, Hanafi, Maliki atau Hanbali;

"perniagaan bank Islam" mempunyai makna yang sama sebagaimana dalam bab 2 dari Akta Bank Islam (Penggal 168);

"perniagaan kewangan Islam" bermakna perniagaan kewangan yang matlamat dan pengendaliannya adalah menurut *Hukum Syara'*;

"produk Islam" bermakna sebarang produk mana-mana institusi kewangan yang dikemukakan olehnya sebagai menurut *Hukum Syara'*;

"Majlis" bermakna Majlis Ugama Islam yang ditubuhkan di bawah bab 5 dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi (Penggal 77);

"Menteri" bermakna Menteri Kewangan;

"ahli" bermakna mana-mana ahli Lembaga;

"perniagaan takaful" bermakna perniagaan takaful yang matlamat dan pengendaliannya adalah menurut *Hukum Syara'*.

Penubuhan Lembaga.

3. Adalah dengan ini ditubuhkan Lembaga yang dikenali sebagai Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah, yang akan menjadi autoriti untuk memastikan Undang-Undang Islam bagi maksud-maksud perniagaan bank Islam, perniagaan takaful, perniagaan kewangan Islam, perniagaan pembangunan kewangan Islam dan sebarang perniagaan lain yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip syariah dan yang diawasi dan dikawalselia oleh Pihak Berkuasa.

Tugas-tugas Lembaga.

4. (1) Lembaga hendaklah mempunyai tugas-tugas sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pihak Berkuasa.

(2) Tiap-tiap institusi kewangan boleh berunding dengan Lembaga mengenai perkara-perkara syariah berkenaan dengan perniagaan bank Islam, perniagaan takaful, perniagaan kewangan Islam, perniagaan pembangunan kewangan Islam dan sebarang perniagaan lain yang berdasarkan kepada prinsip-prinsip syariah.

Arahan.

5. (1) Pihak Berkuasa boleh mengeluarkan arahan bertulis berkenaan dengan perniagaan-perniagaan yang disebut dalam ceraian (2) bab 4 menurut nasihat Lembaga.

(2) Mana-mana institusi kewangan yang gagal mematuhi atau melanggar sebarang arahan bertulis yang dikeluarkan di bawah ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak

melebihi dari \$500,000 dan suatu denda tambahan tidak melebihi dari \$5,000 bagi setiap hari selama mana pelanggaran itu berterusan.

Keahlian Lembaga.

6. (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang berikut —

(a) Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan kerana jawatan, yang akan menjadi pengerusi;

(b) Mufti Kerajaan bagi Negara Brunei Darussalam kerana jawatan;

(c) tidak kurang daripada 6 orang lain yang akan dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, atas sokongan Pihak Berkuasa setelah Baginda berunding dengan Majlis —

(i) sekurang-kurangnya 4 orang daripada mereka adalah berugama Islam —

(aa) sebagai warganegara Negara Brunei Darussalam, yang merupakan pengikut-pengikut Ahlis Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Shafi'ee dan yang merupakan cendekiawan ugama, pakar dalam pengetahuan Islam atau berpengalaman dalam *Fiqh al-Mu'amalat*; atau

(bb) bukan warganegara Negara Brunei Darussalam, yang merupakan pengikut-pengikut Ahlis Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Shafi'ee, Hanafi, Maliki atau Hanbali dan yang berpengalaman dalam *Fiqh al-Mu'amalat*; dan

(ii) sekurang-kurangnya 2 orang daripada mereka adalah berugama Islam yang berpengalaman dalam bidang perbankan, ekonomi, kewangan, undang-undang atau sebarang disiplin lain yang berkaitan.

(2) Pihak Berkuasa boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, melantik salah seorang daripada ahli-ahli itu untuk menjadi timbalan pengerusi.

Tempoh memegang jawatan.

7. Mana-mana ahli yang dilantik di bawah perenggan (c) ceraian (1) bab 6 hendaklah memegang jawatan bagi suatu tempoh selama 3 tahun mulai dari tarikh lantikannya.

Setiausaha.

8. Pengurus boleh melantik mana-mana orang, yang bukan ahli, untuk menjadi setiausaha Lembaga.

Pemberitahuan lantikan.

9. Notis lantikan di bawah perenggan (c) ceraian (1) dan ceraian (2) bab 6 dan di bawah bab 8 hendaklah disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Mesyuarat Lembaga.

10. (1) Sekiranya pengurus tidak hadir dalam mana-mana mesyuarat Lembaga, maka tugas-tugasnya di bawah bab ini hendaklah dijalankan oleh timbalan pengurus Lembaga, dan sekiranya dia pada masa itu tidak hadir, Pihak Berkuasa hendaklah memilih mana-mana ahli lain untuk menjadi pengurus bagi mesyuarat itu.

(2) Pengurus sesuatu mesyuarat hendaklah mempunyai undi asal dan juga undi pemutus.

(3) Lembaga hendaklah mengadakan mesyuarat di suatu tempat dan pada masa sebagaimana yang mungkin ditetapkan oleh pengurus.

(4) Pengurus hendaklah memanggil mesyuarat seberapa kerap yang mungkin dikehendaki tetapi tidak kurang dari 6 kali dalam setahun.

(5) Lembaga boleh menjemput mana-mana orang, yang bukan ahli, untuk menghadiri sesuatu mesyuarat Lembaga bagi maksud untuk memberi nasihat kepada Lembaga mengenai sebarang perkara.

(6) Lembaga hendaklah menyebabkan supaya rekod yang betul mengenai prosidingnya disimpan.

(7) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini, Lembaga boleh menentukan prosedurnya sendiri.

(8) Semua perbuatan yang dilakukan oleh Lembaga adalah, walaupun terdapat sebarang kekosongan dalam Lembaga atau kemudiannya didapati bahawa ada kecacatan dalam lantikan mana-mana orang yang dikatakan sebagai ahlinya, sah seolah-olah kekosongan atau kecacatan tersebut tidak ada.

Korum dan keputusan.

11. (1) Tiada apa-apa urusan boleh dijalankan dalam sesuatu mesyuarat melainkan jika korum hadir.

(2) Dalam sesuatu mesyuarat dua pertiga daripada ahli-ahli itu hendaklah membentuk korum.

(3) Jika mana-mana satu daripada ahli-ahli yang disebut dalam perenggan (b) atau perenggan (c)(i) ceraian (1) bab 6 tidak hadir dalam sesuatu mesyuarat, keputusan daripada sekurang-kurangnya 4 ahli lain yang disebut dalam perenggan-perenggan itu adalah mencukupi untuk mencapai sebarang keputusan mengenai perkara-perkara yang disebut dalam ceraian (2) bab 4 dan bagi maksud-maksud ceraian (1) bab 5 dan bab 14.

Menuruti dan mematuhi *qaul muktamad*.

12. (1) Apabila membuat sebarang keputusan menurut perlaksanaan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini, Lembaga hendaklah menuruti dan mematuhi pendapat yang telah diterima (*qaul muktamad*) Ahlis Sunnah Waljamaah mengikut Mazhab Syafi'ee, Hanafi, Maliki atau Hanbali.

(2) Jika Lembaga menganggap bahawa pendapat yang telah diterima (*qaul muktamad*) itu adalah atau mungkin bertentangan dengan kepentingan awam atau bahawa tiada terdapat panduan yang jelas dalam pendapat tersebut mengenai sebarang perkara, maka Lembaga boleh membuat keputusan menurut *maslahah*.

(3) Dalam bab ini, "*maslahah*" bermakna sebarang kepentingan, faedah, kemudahan atau kebajikan orang ramai yang tidak bertentangan dengan *Hukum Syara'*.

Laporan tahunan.

13. Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas penghujung tiap-tiap tahun kalender, menyebabkan untuk dibuat dan dihantar kepada Pihak Berkuasa dan Majlis suatu laporan yang berhubungan dengan kegiatan-kegiatan Lembaga pada tahun sebelumnya dan sebarang kegiatan yang dicadangkan.

Lembaga hendaklah membenarkan produk Islam.

14. (1) Tiap-tiap institusi kewangan hendaklah memohon kepada Lembaga bagi mendapatkan kebenaran berkeraan dengan hujahnya bahawa produk Islamnya

adalah menurut *Hukum Syara'* sebelum institusi kewangan itu membuat sebarang transaksi perniagaan berkenaan dengannya.

(2) Dalam suatu permohonan bagi mendapatkan kebenaran di bawah ceraian (1), institusi kewangan itu hendaklah mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

Lembaga hendaklah membenarkan lantikan dll.

15. (1) Melainkan jika Lembaga membenarkan selainnya secara bertulis, suatu institusi kewangan tidak boleh melantik, mengguna khidmat atau mengambil kerja, mengikut mana yang berkenaan, mana-mana orang —

(a) untuk menjadi seorang ahli mana-mana badan penasihat syariah;

(b) untuk bertindak sebagai seorang pakar runding syariah atau penasihat syariah,

bagi institusi kewangan itu.

(2) Dalam suatu permohonan bagi mendapatkan kebenaran menurut ceraian (1), institusi kewangan itu hendaklah mengemukakan kepada Lembaga maklumat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

(3) Keputusan Lembaga untuk membenarkan atau enggan membenarkan sesuatu permohonan itu adalah muktamad dan tidak boleh tertakluk kepada sebarang rayuan.

(4) Mana-mana orang itu yang dikatakan telah diambil kerja atau dikatakan telah diguna khidmat adalah tidak sah bagi sebarang maksud jika kebenaran secara bertulis daripada Lembaga tidak diperolehi terlebih dahulu berkaitan dengan orang itu.

Kesalahan yang dilakukan oleh pengarah dll.

16. (1) Jika suatu kesalahan terhadap Perintah ini terbukti telah dilakukan dengan persetujuan atau pembiaran, atau disebabkan oleh sebarang kecuaian di pihak, seseorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain badan itu yang seumpamanya, atau seseorang yang dikatakan bertindak atas sebarang jawatan tersebut, dia, dan juga badan korporat itu, adalah juga melakukan kesalahan itu dan boleh diambil tindakan selanjutnya dan dihukum dengan sewajarnya.

(2) Berkenaan dengan suatu badan korporat yang urusannya diuruskan oleh ahli-ahlinya, "pengarah", dalam ceraian (1), bermakna mana-mana ahli badan korporat itu.

Prosiding berkenaan dengan perniagaan bank Islam dll.

17. Jika dalam sebarang prosiding berkenaan dengan perniagaan bank Islam, perniagaan takaful, perniagaan kewangan Islam, perniagaan pembangunan kewangan Islam atau sebarang perniagaan lain yang berasaskan kepada prinsip-prinsip syariah di hadapan mana-mana mahkamah atau penimbangtara, sebarang persoalan timbul berhubung dengan sesuatu perkara syariah, mahkamah atau penimbangtara itu, mengikut mana yang berkenaan, boleh mengambil kira sebarang arahan bertulis yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa menurut ceraian (1) bab 5 atau boleh merujukkan persoalan tersebut kepada Pihak Berkuasa bagi mendapatkan keputusan daripada Lembaga.

Komposisi kesalahan.

18. (1) Pihak Berkuasa atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Pihak Berkuasa secara bertulis bagi maksud itu boleh, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang dianggap patut untuk dikenakan oleh Pihak Berkuasa, mengkompaun sebarang kesalahan terhadap Perintah ini dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang yang tidak melebihi dari amaun denda maksimum yang sepatutnya dikenakan kepada orang itu jika dia telah disabitkan atas kesalahan tersebut.

(2) Setelah sebarang syarat tersebut dipatuhi dan setelah jumlah wang tersebut dibayar, tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan tersebut.

Persetujuan untuk mendakwa.

19. Suatu pendakwaan di bawah Perintah ini tidak boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan persetujuan Pendakwa Raya.

Batasan liabiliti.

20. Tiada tindakan boleh dibawa terhadap ahli-ahli berkaitan dengan apa-apa yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan oleh mana-mana daripada mereka dengan suci hati pada menjalankan, melaksanakan atau dikatakan pada menjalankan atau melaksanakan, sebarang kuasa atau kewajipan di bawah Perintah ini.

Hukuman.

21. Mana-mana institusi kewangan yang gagal mematuhi atau melanggar peruntukan-peruntukan bab 14 dan 15 adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi dari \$500,000 dan denda tambahan tidak melebihi dari \$5,000 bagi setiap hari selama mana pelanggaran itu berterusan.

Penyiaran.

22. Lembaga boleh, dengan kebenaran Pihak Berkuasa, menyebabkan supaya sebarang keputusan Lembaga disiarkan dengan pemberitahuan dalam *Warta Kerajaan*.

Pindaan Jadual.

23. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* meminda Jadual.

Peraturan-peraturan.

24. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan yang perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan melaksanakan peruntukan-peruntukan Perintah ini, termasuk penetapan bayaran dan sebarang hal lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini, dan bagi perlaksanaannya yang sewajarnya.

(2) Peraturan-peraturan tersebut boleh termasuk peruntukan-peruntukan bersampingan, berbangkit dan tambahan sebagaimana yang dianggap perlu atau mustahak oleh Menteri.

JADUAL

(bab 2)

INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN

(a) Mana-mana syarikat kewangan yang dilesenkan di bawah Akta Syarikat Kewangan (Penggal 89);

(b) Mana-mana bank yang dilesenkan di bawah Akta Bank (Penggal 95);

(c) Mana-mana bank Islam yang dilesenkan di bawah Akta Bank Islam (Penggal 168);

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(d) Mana-mana pemegang lesen dalam makna Perintah Bank Antarabangsa, 2000 (S 53/2000); Perintah Pelesenan Ejen dan Pemegang Amanah Berdaftar, 2000 (S 54/2000); Perintah Kumpulanwang Bersama, 2001 (S 18/01); Perintah Sekuriti, 2001 (S 31/01) atau Perintah Insurans dan Takaful Antarabangsa, 2002 (S 43/02);

(e) Mana-mana orang yang menjalankan perniagaan insurans di bawah sebarang undang-undang bertulis.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1426 bersamaan dengan 17 haribulan Januari, 2006 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**